



- |   |
|---|
| <p>1. <b>PENOLONG PENGGERAK JENTERA TURBINE</b><br/><b>JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK</b><br/><b>JABATAN PERDANA MENTERI</b><br/><b>D.3 EB.4 [\$900 - \$1,465 SEBULAN]</b><br/><b>KEKOSONGAN=2</b></p> |
|---|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Elektrik / Mekanik atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik sebagai Atendan Alatan Pembantu / Penolong Penggerak Jentera Diesel / Penolong Atendan Switchboard atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang 3 tahun.

**ATAU**

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang 4 tahun.
2. Pernah mengikuti dan lulus kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik jangka pendek di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal peringkat pertama dan kedua adalah keutamaan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENGGERAK JENTERA TURBINE :**

1. Bertanggungjawab kepada Penggerak Jentera Turbine dalam mengawasi kesempurnaan pengendalian operasi Gas Turbine serta peralatan bawahannya.
2. Memahami, mengambil dan memasukkan pembacaan semua jangka dan alat pengukur meter-meter yang terdapat di Gas Turbine.
3. Akan ditugaskan dalam kerja bergilir-gilir (shift-duty), di Bahagian Janakuasa Gadong 'Extension', Janakuasa Gadong, Janakuasa Bukit Panggal, Tutong atau Janakuasa Lumut.